

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : BISNES

IHH sedia beralih kepada model mampu kurangkan kos

IHH Healthcare bersedia untuk beralih kepada penjagaan kesihatan berasaskan nilai selaras dengan seruan Kementerian Kesihatan untuk bertukar daripada model 'pay-for-service' kepada 'pay-for-outcomes'.

Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hasil pesakit, di samping mengurangkan kos berkaitan dengan prosedur perubatan yang tidak diperlukan.

Ketua Pegawai Eksekutif IHH Healthcare Malaysia, Jean-Francois Naa, berkata dalam era kos penjagaan kesihatan semakin meningkat disebabkan populasi yang semakin menua, kelaziman pesakit kronik dan penggunaan teknologi canggih menawarkan hasil lebih baik, namun terikat dengan kos yang lebih tinggi.

"Kami komited untuk menyediakan penjagaan berpandukan nilai yang mengutamakan pesakit, kos efektif dan meningkatkan kesihatan pesakit," katanya dalam satu kenyataan.

Sejak 2019, IHH Healthcare menerajui penjagaan kesihatan berasaskan bukti menerusi inisiatif 'value-driven outcomes' (VDO).

VDO menjejaki perjalanan pesakit bagi mengukur, mengenal pasti jurang dan meningkatkan kecekapan proses teknikal, membawa kepada hasil yang lebih baik.

Sementara itu, piawaian global diguna pakai sebagai penanda aras kepada amalan klinikal, membolehkan keputusan dibuat berasaskan data.

Pada masa ini, inisiatif VDO IHH Healthcare meliputi sekitar

15 peratus daripada prosedurnya seperti kolonoskopi, angioplasti koronari, pembedahan menakar sendi lutut, pembedahan 'anterior cruciate ligament' dan histerektomi.

Naa berkata, matlamatnya adalah untuk memperluaskan liputan ini kepada 50 peratus dalam tempoh terdekat.

"Untuk memastikan hasil yang optimum daripada inisiatif VDO, kami menetapkan metrik prestasi untuk setiap prosedur, termasuk pematuhan kepada garis panduan klinikal bagi meningkatkan kualiti dan tempoh pemulihan pesakit," katanya.

Pelaksanaan teliti amalan berasaskan bukti dan penganalisisan data termaju sudah membawa kepada pencapaian ketara, yang turut mengatasi pi-

waian antarabangsa.

Prosedur kolonoskopi di seluruh IHH Healthcare Malaysia berjaya mencatatkan kadar pengesanan polip keseluruhan sebanyak 50 peratus, dengan kadar pengesanan adenoma sebanyak 27 peratus.

Ini mengatasi penanda aras antarabangsa, yang berada pada kadar 40 peratus untuk pengesanan polip keseluruhan dan 25 peratus untuk pengesanan adenoma.

Selain itu, tinjauan 'Patient Reported Outcomes Measures' seperti Skor Hasil Kecederaan Lutut dan Osteoarthritis-12 (KOOS 12) yang dijalankan sebelum dan selepas pembedahan menakar sendi lutut menunjukkan peningkatan signifikan dalam perkara yang paling penting kepada pesakit, seperti kelegaan sakit, fungsi fizikal

yang lebih baik dan peningkatan kualiti hidup.

Skor pesakit selepas pembedahan meningkat sebanyak 41 mata dalam tempoh tiga bulan, dan sebanyak 52 mata dalam tempoh enam bulan.

Ini jauh mengatasi piawaian antarabangsa yang mencatatkan hanya 11.1 mata.

Inisiatif VDO IHH Healthcare Malaysia merangkumi rangkaiannya di Malaysia termasuk Hospital Gleneagles, Hospital Pantai dan Prince Court Medical Centre, serta perkhidmatan ansilari yang merangkumi makmal Premier Integrated Labs dan pusat pemulihan Pantai Integrated Rehab.

Timberland Medical Centre yang baru diperoleh akan menyertai inisiatif ini pada tahun depan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

Rantai emas dikebas ketika menunggu ambil ubat di klinik

Alor Setar: Seorang wanita warga emas rugi kira-kira RM6,000 akibat diperdaya lelaki tidak dikenali yang melarikan rantai emas miliknya di sebuah klinik kesihatan di daerah ini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati Saad berkata, wanita berusia 60 tahun itu mendakwa lelaki terbabit menghampirinya ketika dia menunggu untuk mengambil ubat di klinik berkenaan jam 8 pagi.

Beliau berkata, lelaki itu menawarkan rawatan tradisional kepada mangsa, namun dia menolaknya, tetapi suspek tetap mendekati mangsa sebelum beredar beberapa minit selepas itu.

"Selepas selesai beruru-

san, wanita itu mendapati rantai leher emas yang dipakai hilang dan mengesyaki dibawa lari suspek.

"Ini kerana sebelum itu suspek dikatakan memberitahu rantai leher emas yang dipakai mangsa longgar dan kemudian memegang rantai mangsa itu seolah-olah mengetatkannya.

"Pengadu kerugian RM6,000 dan mangsa membuat laporan di Balai Polis Kota Setar jam 12.20 tengah hari semalam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Siti Nor Salawati berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, polis giat mengesan suspek iaitu seorang lelaki berusia 60-an mempunyai ketinggian anggaran 152 meter.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Tawar rawatan tradisional sebelum larikan rantai emas

ALOR SETAR – Seorang wanita kerugian RM6,000 setelah seutas rantai emas miliknya dicuri lelaki warga emas ketika mahu mengambil ubat di sebuah klinik kesihatan di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati Saad berkata, dalam kejadian pada pukul 8 pagi itu, mangsa berusia dalam lingkungan 60-an mendakwa suspek mendekatinya untuk menawarkan rawatan tradisional sebelum melarikan rantai yang dipakai.

"Mangsa ke klinik tersebut untuk mengambil ubat sebelum didatangi lelaki tidak dikenali yang menawarkan rawatan tradisional kepadanya.

"Mangsa menolak tawaran tersebut, tetapi suspek tetap mendekatinya sebelum beredar beberapa minit selepas itu," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, setelah selesai urusan di klinik, mangsa mendapati rantai leher yang dipakai tiada dan mengesyaki dilarikan suspek.

"Ini kerana sebelum kejadian itu suspek dikatakan menegur rantai leher dipakai mangsa kelihatan longgar, sebelum bertindak memegang rantai mangsa seolah-olah mahu mengetatkannya," ujarnya.

Mangsa seterusnya membuat laporan di Balai Polis Alor Setar pada pukul 12.20 tengah hari kelmarin.

Polis kini giat mengesan seorang lelaki berbangsa Cina dengan ketinggian kira-kira 160 sentimeter dan berusia dalam lingkungan 60-an.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Warga emas dipukau, rantai emas lesap

ALOR SETAR - Seorang wanita warga emas kerugian RM6,000 apabila rantai emas miliknya lesap selepas dipukau seorang lelaki ketika menerima rawatan di sebuah Klinik Kesihatan di daerah ini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Siti Nor Salawati Saad berkata, pada jam 8 pagi mangsa yang berusia 60 tahun pergi ke klinik berkenaan untuk mengambil ubat.

Katanya, mangsa kemudiannya didatangi seorang lelaki tidak dikenali menawarkan rawatan tradisional kepadanya.

"Mangsa menyatakan telah menolak tawaran tersebut, tetapi suspek tetap mendekati mangsa sebelum beredar beberapa minit selepas itu," katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, setelah mangsa selesai berurusan di klinik tersebut, mangsa mendapati rantai leher emas yang dipakai telah tiada.

"Dia mengesyaki rantai itu dibawa lari oleh suspek kerana sebelum itu suspek dikatakan menegur rantai lehernya kelihatan longgar dan bertindak memegang rantai mangsa untuk mengatarkannya," katanya.

Siti Nor Salawati berkata, pihaknya menerima laporan daripada mangsa kira-kira jam 12.20 tengah hari pada Ahad.

Jelasnya, pihak polis sedang giat mengesan suspek iaitu seorang lelaki berbangsa Cina, berketinggian anggaran 160 sentimeter dan berusia sekitar 60-an.



SITI NOR SALAWATI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM



DENGAN memperkenalkan mesin gegandang yang dilengkapi teknologi canggih seperti kamera litar tertutup (CCTV) serta sistem pengesahan kad pengenalan, ia boleh menghadkan pembelian rokok dan vape dalam kalangan remaja mahupun bawah umur. - GAMBAR HIASAN/AFP

Jual rokok dan vape melalui mesin gegandang

SAUDARA PENGARANG,

PENJUALAN rokok dan vape melalui mesin gegandang adalah satu langkah progresif yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengawal penggunaan produk berkenaan dalam kalangan masyarakat, terutamanya remaja.

Dengan memperkenalkan mesin gegandang yang dilengkapi dengan teknologi canggih seperti kamera litar tertutup (CCTV) dan sistem pengesahan kad pengenalan, ia boleh menjadi satu mekanisme kawalan yang lebih efektif berbanding penjualan di kedai runcit dan restoran.

Ini kerana mesin ini memerlukan pembeli untuk memasukkan kad pengenalan sebelum membuat pembelian bagi tujuan pengesahan umur. Langkah ini secara langsung akan mengurangkan bilangan remaja yang cuba mendapatkan produk tersebut secara haram.

Selain itu, rakaman CCTV boleh digunakan untuk mengenal pasti individu yang cuba melanggar undang-undang. Contohnya, menggunakan kad pengenalan palsu atau meminjam kad pengenalan orang lain. Dengan adanya rakaman CCTV, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan yang lebih pantas dan berkesan terhadap mana-mana individu yang melanggar peraturan.

Langkah ini juga dapat mengurangkan aktiviti penjualan rokok seludup. Dengan mesin gegandang yang dikawal rapi, sindiket lebih sukar untuk menjual rokok seludup, seterusnya membantu kerajaan dalam usaha memerangi aktiviti penyeludupan.

Cadangan ini juga boleh diperluaskan dengan memasukkan beberapa ciri tambahan pada mesin berkenaan seperti sistem pembayaran elektronik yang selamat dan



Langkah ini juga dapat mengurangkan aktiviti penjualan rokok seludup. Dengan mesin gegandang yang dikawal rapi, sindiket lebih sukar untuk menjual rokok seludup, seterusnya membantu kerajaan dalam usaha memerangi aktiviti penyeludupan."

penggunaan teknologi pengesanan wajah untuk mengesahkan identiti pembeli. Ini akan menjadikan proses pembelian lebih selamat dan terjamin serta mengurangkan risiko penipuan.

Akhir sekali, kerajaan perlu memastikan bahawa pelaksanaan langkah ini disertai dengan kempen kesedaran yang berterusan mengenai bahaya penggunaan rokok dan vape, terutamanya dalam kalangan remaja.

Pendidikan yang berkesan mengenai kesan buruk produk tembakau dan vape akan membantu membentuk generasi muda yang lebih bijak serta bertanggungjawab dalam membuat keputusan berkaitan kesihatan mereka.

AZIZUL ASYRAF MD. HELMI
SMK Dato Sulaiman, Parit Sulong, Johor

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : GAYA

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulla.com.my

KEGEMUKAN sering dikaitkan dengan penyakit endokrin dan kardiovaskular seperti kencing manis, darah tinggi, serangan jantung serta strok.

Namun, tidak ramai mengetahui ia juga boleh mengundang penyakit kanser rahim kepada wanita.

Paling menakutkan, wanita gemuk yang mengalami sindrom ovari polisistik (PCOS) berdepan risiko tiga kali ganda untuk diserang barah itu.

Penemuan tersebut dikongsikan Pakar Perunding Obstetrik & Ginekologi dan Ginekologi Onkologi, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hospital Canselor Tunku Mukhriz (HCTM), Prof. Dr. Mohamad Nasir Shafiee.

Terkini, kira-kira 15 peratus wanita gemuk dengan PCOS dikesan terdedah kepada kanser rahim.

"Kajian dilakukan dalam kalangan pesakit PCOS dan kanser rahim dengan wanita normal dijadikan sebagai *control*."

"Analisis sampel darah dan dinding rahim diambil untuk eksperimen makmal diikuti data klinikal seperti usia, berat dan indeks jisim badan (BMI) yang dikorelasikan dengan kadar peningkatan gen penyebab kanser tadi."

"Hasil kajian menunjukkan peningkatan ekspresi gen yang sangat ketara dalam kalangan wanita gemuk."

"Malah, kajian kohort di negara-negara lain turut menyokong teori saya iaitu gemuk dan PCOS meningkatkan risiko tiga kali ganda barah rahim," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Terdahulu, Mohamad Nasir berkata, ramai wanita muda berusia antara 25 hingga 40 tahun yang mengalami masalah kegemukan berdepan gangguan kitaran haid.

Antaranya menyebabkan haid tidak teratur (*irregular*), tidak datang (*amenorrhoea* atau *oligomenorrhoea*) dan kadang kala terlalu banyak (*menorrhagia*).

Dalam situasi itu, wanita akan mengalami hormon progesteron yang resistan dan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Ia sekali gus menyebabkan hormon estrogen 'bermaharaja' pula, lalu meningkatkan ketebalan dinding rahim atau endometrium secara di luar kawalan.

"Wanita yang berdepan situasi ini akan mengalami perubahan kitaran haid li samping sel-sel lapisan endometrium turut membiak, nengembang dan berlaku

Wanita muda obes berisiko kai

“Kajian kohort di negara-negara lain juga menyokong teori saya iaitu gemuk dan PCOS meningkatkan risiko tiga kali ganda barah rahim.”



MOHAMAD NASIR SHAFIEE

keabnormalan yang seterusnya menjadi sel barah ganas.

"Individu gemuk juga biasanya mengalami resistan pada fungsi insulin sekali gus menyebabkan penghasilan hormon itu terus meningkat daripada kelenjar pankreas," katanya.

Ujarnya, insulin akan menyokong ke arah hormon tidak seimbang kerana terlibat dalam penghasilan estrogen yang diubah dari hormon testosteron wanita.

FASA PRAKANSER, MANDUL

Terdapat fasa pra-kanser dipanggil sebagai endometrial hyperplasia sebelum barah terjadi di rahim.

Menurut Mohamad Nasir, tahap itulah yang perlu dikesan dan dirawat segera.

Katanya, endometrial hyperplasia adalah perubahan sel yang menunjukkan ciri-ciri awal kanser akan berlaku, namun belum lagi sampai ke tahap penyakit itu.


"Faktor risikonya adalah kegemukan, PCOS, genetik dan penggunaan hormon gantikan estrogen yang tidak dipantau," katanya.

Antara gejala yang perlu diberi perhatian serius ialah pendarahan haid yang tidak normal iaitu kadangkala banyak atau tidak datang berbulan-bulan.

Ujarnya, sekurang-kurangnya haid perlu datang sekali dalam masa antara tiga hingga empat



KEGEMUKAN dan penyakit-penyakit berisiko daripadanya boleh dihindarkan melalui amalan gaya hidup sihat.



KEGEMUKAN dan gaya hidup tidak sihat mengundang penyakit kanser rahim dalam kalangan wanita.

bulan.

"Wanita mesti berjumpa doktor jika haid mereka lewat tanpa sebab, berpanjangan melebihi 15 hari setiap bulan atau pendarahan kerap berlaku di antaranya," katanya. Simptom lain ialah

keputihan yang banyak atau lelehan berbau.

Selain kanser rahim, kegemukan dan PCOS juga boleh menyebabkan wanita mandul.

Mohamad Nasir berkata, keadaan itu menyumbang

kepada 50 peratus ketidaksuburan.

"Ia kerana kitaran hormon terganggu dan menyebabkan telur (ovum) tidak menetas," katanya.

PEMERIKSAAN DAN RAWATAN

Selepas pemeriksaan ultrasound melibatkan ketebalan dinding dan pengambilan sampel isi rahim mengesahkan barah, pemeriksaan lanjut melalui imbasan tomografi berkomputer (CT scan) akan dilakukan.

Ia bagi mengetahui sama ada barah telah melarat ke bahagian badan yang lain.

Mohamad Nasir berkata, prosedur itu kemudian diteruskan dengan pengimejan resonans magnetik (MRI) untuk mengenal pasti kadar ketebalan dinding rahim yang diserang sel barah.

Kaedah rawatan adalah

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : GAYA

Isyer rahim



menerusi pembedahan pembedahan rahim (bersama ovary pada kes tertentu) dan serviks (pangkal rahim).

Sewaktu pembedahan itu, bahagian kelenjar limfa di saluran darah utama juga akan diambil untuk melihat perebakan sel kanser di samping organ-organ berdekatan rahim.

"Rahim yang dibedah itu dihantar ke makmal patologi untuk pemeriksaan lanjut jenis nama barah, keganasan sel, perebakan sekeliling dan digalakkan menjalani ujian molekul bagi memahami 'perangainya' dengan jelas.


"Dalam masa sama ia dapat memberi gambaran kepada doktor sama ada rawatan lanjut seperti radioterapi atau kemoterapi atau kedua-duanya perlu untuk pesakit," katanya.

Pada tahap awal, kadar kesembuhan adalah 95 peratus dalam tempoh lima tahun pertama.

ENDOMETRIUM

Fungsi endometrium (dinding rahim)

- » Lapisan mengalami penebalan sebelum penghasilan darah haid.
- » Penebalan itu dipengaruhi oleh hormon estrogen dan progesteron.
- » Hormon estrogen yang tinggi pada dua minggu pertama kitaran haid menyebabkan sel-sel dan saluran darah kecil di lapisan itu berkembang pesat.
- » Jika tiada persenyawaan antara ovum dan sperma, hormon progesteron akan menurun sebelum dinding rahim meluruh dan menghasilkan darah haid.
- » Kitaran itu berlaku setiap bulan bermula kail pertama datang baligh sehingga usia menopause.
- » Endometrium juga adalah tempat implantasi atau penempelan zigot.



ANTARA gejala perlu diberi perhatian serius ialah pendarahan haid yang tidak normal iaitu kadangkala banyak atau tidak datang berbulan-bulan.

Namun, jika di peringkat empat dan sel barah melarat, mungkin kadar kesembuhan menurun sehingga 30 peratus.

Bagi wanita muda yang belum mempunyai cahaya mata dan di peringkat pertama barah rahim, rawatan lain boleh diberikan mengikut keperluan masing-masing.

Ia termasuk menggunakan hormon progesteron dos tinggi melalui tablet, suntikan atau alat yang diletakkan di dalam rahim.

Namun, terdapat kesan sampingan yang bakal dialami pesakit seperti loya, muntah, pening, perut tidak selesa, panas badan, susah tidur dan emosi terganggu.

AMALKAN GAYA HIDUP SIHAT

Mohamad Nasir berkata, kegemukan dan penyakit-penyakit berisiko daripadanya boleh dihindarkan melalui amalan gaya hidup sihat.

Katanya, wanita disarankan makan secara sihat dengan mengurangkan karbohidrat dan lemak di samping melebihi protein dan serat, disusuli dengan senaman berkala selama 150 minit seminggu.

Beliau tidak menafikan yang wanita muda dan bujang lebih cenderung gemuk berbanding lelaki kerana hormon mereka yang tidak seimbang di samping gaya hidup sedentari dan gemar menikmati hidangan manis atau pencuci mulut.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan golongan sasar untuk sentiasa peka dengan perubahan tubuh badan masing-masing.

"Kitaran haid yang tidak teratur adalah petanda awal kanser rahim.

"Bagi wanita yang berisiko, segera berjumpa dengan pakar ginekologi untuk mencegah barah sebelum parah," akhirnya.



Keselesaian tingkat pelancongan perubatan

MALAYSIA antara destinasi pilihan ramai bagi pelancongan perubatan, bukan sahaja dari rantau Asia, malah Eropah dan Asia Barat.

Kelebihan itu didorong oleh fasiliti penjagaan kesihatan bertaraf dunia, profesional perubatan berpengalaman dan tawaran harga yang kompetitif.

Namun, terdapat satu lagi faktor yang dikenal pasti menarik pengunjung datang ke Malaysia iaitu kemudahan penginapan.

Penginapan amat penting buat golongan itu bagi memberikan mereka keselesaan sebelum dan selepas menjalani prosedur perubatan.

Dalam masa sama, ahli keluarga turut berpeluang menemani pesakit dan memberikan sokongan sepanjang tempoh pemulihan.

Terbaharu, inisiatif itu dirintis penyedia perkhidmatan penginapan premium, Novo Reserve by COBNB's Partnership dengan Hospital Geneagles Kuala Lumpur.

Ia bukan sahaja membuka lembaran baharu dalam pelancongan perubatan, tetapi turut meletakkan Malaysia di kedudukan teratas dalam penjagaan kesihatan berkualiti tinggi.

Pengurus Pemasaran Antarabangsa Hospital Geneagles Kuala Lumpur, Leon Low berkata, jalinan

kerjasama itu membuktikan komitmen mereka dalam menawarkan rawatan luar biasa demi keselesaan dan kesejahteraan pesakit.

"Menerusi inisiatif ini, kita yakin dapat meningkatkan pengalaman penginapan pesakit dan keluarga mereka di samping mengukuhkan lagi reputasi negara sebagai destinasi pilihan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan," katanya.

Novo Reserve by COBNB terletak di Jalan Ampang mengambil masa cuma satu minit untuk ke Hospital Geneagles Kuala Lumpur.

Jarak dekat dan kemudahan ditawarkan mampu menarik pelancongan perubatan dari hospital berkenaan untuk menginap di lokasi premium itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), Dr. Mohamed Ali Abu Bakar berkata, sektor pelancongan perubatan berkembang pesat di negara ini.

Malah, Malaysia merupakan destinasi pilihan rantau Asia Pasifik sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Tahun lalu, ketibaan pelancongan kesihatan melebihi 1 juta orang yang menyaksikan lonjakan 15 peratus berbanding 850,000 orang pada 2022.

"Tahun ini, MHTC menasarkannya pendapatan RM2.4 bilion daripada sektor ini," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : GAYA



FUNGSI VAKSIN

VAKSIN PERTUSIS (BATUK KOKOL):

- » Menyediakan imuniti terhadap jangkitan saluran pernafasan yang dicirikan oleh batuk yang teruk dan kemungkinan komplikasi.
- » Vaksin Tetanus. Mencegah tetanus, gangguan sistem saraf yang serius yang ditandai dengan ketegaran otot yang menyakitkan dan komplikasi lain yang mengancam nyawa.

VAKSIN POLIO:

- » Melindungi daripada jangkitan virus polio yang boleh menyebabkan lumpuh.

VAKSIN HEPATITIS B:

- » Mengurangkan risiko parut hati dan kanser hati yang dikaitkan dengan jangkitan hepatitis B.

VAKSIN HPV:

- » Pengawal terhadap kanser serviks disebabkan oleh human papillomavirus (HPV) dan penyakit berkaitan.

VAKSIN MMR:

- » Pertahanan daripada campak dan beguk serta melindungi ibu daripada jangkitan rubella (campak Jerman) semasa mengandung, mengelakkan potensi keabnormalan kongenital dan implikasi serius dalam kesihatan janin yang sedang berkembang.

VAKSIN BCG:

- » Melindungi daripada bentuk tuberkulosis (TB) yang teruk, termasuk meningitis TB (keradangan lapisan otak) dan TB tersebar yang menjejaskan pelbagai sistem badan.

HAEMOPHILUS INFLUENZAE JENIS B (HIB) DAN VAKSIN PNEUMOKOKUS:

- » Melindungi daripada radang paru-paru, meningitis dan potensi kerosakan otak yang disebabkan oleh jangkitan tersebut.
- » Haemophilus influenzae jenis B dan vaksin difteria. Perlindungan terhadap jangkitan yang boleh menyebabkan halangan saluran pernafasan yang mengancam nyawa.



PROGRAM Imunisasi Kebangsaan (NIP) menyediakan perlindungan terhadap 13 penyakit berjangkit iaitu batuk kering, difteria, pertusis, tetanus dan poliomielititis.

Kenapa masih ramai takut vaksin anak?

WABAK campak yang menular di Penampang, Sabah Januari lalu merupakan contoh liputan vaksin kurang optimum (suboptimum) dalam sesebuah populasi.

Sekaligus, kejadian itu menunjukkan betapa pentingnya imunisasi yang menyelamatkan berjuta-juta nyawa setiap tahun dan menghalang ramai kanak-kanak daripada hilang upaya. Sungguhpun begitu, masih ada segelintir ibu bapa meragui kepentingan vaksin terhadap anak-anak.

Masih ramai yang enggan memberi imunisasi atau menangguhkan imunisasi untuk anak-anak sekaligus memisikakan anak mendapat jangkitan yang boleh dicegah dengan vaksin.

Punca untuk teragak-agak vaksin adalah pelbagai dan kompleks.

Malah, tidak dinafikan, mungkin terdapat maklumat yang salah atau salah tanggapan, kurang

“**Vaksin mengandungi bahagian bakteria atau virus (antigen) yang lemah atau tidak aktif yang mencetuskan sistem imun manusia.**”

kepercayaan, risau akan keselamatan, ketakutan terhadap kesan sampingan dan pengalaman peribadi.

Ramai ibu bapa tidak menyedari bahaya jangkitan ini dan mungkin ada yang percaya bahawa tidak perlu memberi imunisasi kepada anak-anak mereka kerana risiko dijangkiti penyakit adalah rendah.

Ada yang bimbang tentang keselamatan vaksin manakala yang lain bimbang

sistem imun anak mereka mungkin tertekan atau lemah oleh pelbagai vaksin.

Terdapat juga ibu bapa yang menentang vaksin tertentu kerana kebimbangan dari perspektif budaya atau agama.

Bagi menangani kelompongan ini, pendekatan perlu dilakukan dalam pelbagai aspek melibatkan penyediaan maklumat yang tepat dan boleh diakses.

Selain itu, membina kepercayaan antara penyedia penjagaan kesihatan dan ibu bapa, menangani kebimbangan dan salah tanggapan serta menggalakkan dialog dan pendidikan terbuka tentang kepentingan vaksinasi untuk kesihatan individu dan komuniti.

Sekiranya terdapat keraguan tentang pemberian imunisasi kepada anak, ibu bapa digalakkan untuk mencari sumber yang boleh dipercayai mengenai imunisasi seperti Immunise4Life (IFL)

yang merupakan inisiatif kerjasama KKM, Persatuan Pediatrik Malaysia dan Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia.

Di peringkat tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia mendapat akses kepada Program Imunisasi Kebangsaan (NIP).

NIP menyediakan perlindungan terhadap 13 penyakit berjangkit iaitu batuk kering, difteria, pertusis, tetanus dan poliomielititis.

Selain itu, penyakit Haemophilus influenzae jenis B, hepatitis B, campak, beguk, rubella, pneumococcus, human papillomavirus dan ensefalitis Jepun.

Usaha kerajaan, KKM dan rakan kongsi dalam penjagaan kesihatan dan advokasi, memastikan kadar liputan tinggi melebihi 95 peratus untuk kebanyakan vaksin dalam NIP.

Kadar perlindungan vaksin yang tinggi adalah penting untuk imuniti kumpulan dan melindungi kanak-kanak daripada jangkitan teruk yang boleh membawa kepada kematian atau komplikasi yang mengancam nyawa.

FAEDAH IMUNISASI

Vaksin mengandungi bahagian bakteria atau virus (antigen) yang lemah atau tidak aktif yang mencetuskan sistem imun manusia.

Ia merangsang sistem imun untuk menghasilkan antibodi tahan lama dan membangunkan sel memori.

Melalui kaedah itu, badan boleh melawan dengan pantas sekiranya terdedah dengan bakteria atau virus berkenaan.

Vaksin BCG misalnya melindungi daripada bentuk tuberkulosis (TB) yang teruk, termasuk meningitis TB (keradangan lapisan otak) dan TB tersebar yang menjejaskan pelbagai sistem badan.

Haemophilus influenzae jenis B (Hib) dan vaksin pneumokokus pula melindungi daripada radang paru-paru, meningitis dan potensi kerosakan otak yang disebabkan oleh jangkitan tersebut.

Haemophilus influenzae jenis B dan vaksin difteria menawarkan perlindungan terhadap jangkitan yang boleh menyebabkan halangan saluran pernafasan yang mengancam nyawa.

Artikel sumbangan ahli akademik dan Pakar Pediatrik di Pusat Pengajian Perubatan, Fakulti Kesihatan dan Sains Perubatan Universiti Taylor.